



BIOGRAFI DATO' SERI UTAMA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS

'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN

**BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS**

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

© Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, dengan tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulisnya.

Cetakan pertama 2003
ISBN 983-2366-16-X

@ Dharmala N S

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan
Taman Seni Budaya
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
&
Kerajaan Negeri Sembilan

Dicetak oleh:
Percetakan Malindo Sdn Bhd
Lot 3, Jalan Ragum 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Panel Penerbitan
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus

Penasihat

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

Pengerusi Panel

DATO' DR RAMLI UJANG

Ketua Editor

DHARMALA N S

Anggota Redaksi

DATO' HAJI SUDIN KAMARI

DATO' PROF SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATO' PROF ABDUL SAMAD HADI

DATO' SERI MAHARAJA KHALID BONGET

DATO' SENARA MUDA PILUS MAARIS

HAJI MUHAMMAD YASSIN

HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

DATO' LAKSAMANA HAJI ISMAIL ABDUL KADIR

DRS SHAMSUDDIN AHMAD

MD DARUS HAJI ABDUL MANAF

Daftar Isi



Bab 1	BERGURU KEPALANG AJAR	1
	- Anak Muda Julung Bertaji	
	- Tamu Di Seri Menanti	
	- Memecah Tradisi Adat	
Bab 2	ORANG TUA MENAHAN RAGAM	16
	- Apabila Mufti Tersinggung	
	- Wakil Ke Kuala Kangsar	
	- Tidur Di Atas Kerusi Sekolah	
Bab 3	GELOMBANG PERUBAHAN	31
	- Memikul Bateri Di Permatang	
	- Di Sebalik Kisah 'Juita'	
	- Kisah Seorang 'Kaki Bola'	
Bab 4	KE GUNUNG SAMA DIDAKI	45
	- Melukut Di Tepi Gantang	
	- Menunggu Kunjungan Tunku	
	- Kisah Dengan Dr Ismail	
	- Bahaman Shamsuddin Ke Teluk Anson	
Bab 5	KERUSI MENTERI BESAR	60
	- Genggam Bara Api	
	- Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussein	
	- Menjalin Hubungan Ke Sumatera	

Bab 6	TUGAS SENDIRI DIKELEK	76
	- Misi Sulit Ke Sarawak	
	- Selepas Konfrantasi Sukarno	
	- Mencari Tanah Leluhur	
	- Minangkabau Terkenang Jua	
Bab 7	LURUS TALI LURUS SUMPITAN	92
	- Berbalah Dengan Sardon Jubir	
	- Timbalan Menteri Besar	
	- Pindah Ke Kerusi Parlimen	
Bab 8	MENGHADAPI SENARIO PERUBAHAN	108
	- Calon Ketua Pemuda	
	- Akhbar Suara Rakyat	
	- Timbalan Menteri Dalam Negeri	
Bab 9	JALAN SERIBU LIKU	124
	- Pak Lang Dari Negeri Sembilan	
	- Pertubuhan Nasrul Haq	
	- Anugerah Budayawan Gapena	
Bab10	LINGKUNG RUMPUN MELAYU	140
	- Memorandum Pemuda MCA	
	- Kontroversi Tokoh Belia	
	- Impian Dunia Melayu	
Bab 11	KESINAMBUNGAN PERJUANGAN	156
	- Telegram Seluruh Negara	
	- Selepas Tidak Jadi Menteri	
	- Kembali Menjadi Penulis	
Bab 12	GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM	172
	- Bertemu Shamsiah Fakeh	
	- Langkah Sama Menapak	
	- Gerila Melayu Di Negeri Sembilan	

Bab 13	DI BUMI MERDEKA	188
	- Pengerusi Bank Pembangunan	
	- Pengerusi Kraftangan Malaysia	
	- Sensitif Seorang Penulis	
	- Pengerusi Finas	
Bab 14	ASAM GARAM PERJUANGAN	204
	- Mencari Ganti Menteri Besar	
	- Senario Pilihanraya 1982	
	- Titah Ucapan Tuanku	
Bab 15	NAN SEBARIS TIDAK LUPA	222
	- Antara Jejak Ditinggalkan	
	- Dilipat Sebesar Kuku	
	- Senario Alaf Baru	

Ke Gunung Sama Didaki



"*AKU* pulang dari rantau, bertahun-tahun di negeri orang, oh Malaya. Oh di mana kawan dulu, kawan dulu yang sama berjuang, oh Malaya. Kekasih hatiku telah pula hilang, hilang tiada pesan, aduhai nasib, apakan daya aku hanya, seorang pengembara yang hina." Bait-bait lagu ciptaan Saiful Bahari, pemuzik Minangkabau dari Indonesia itu memberi kesan yang mendalam di hati Tan Sri A Samad. Setiap kali nostalgia lagu 'Semalam Di Malaya' itu mengimbau perasaan menjelang ulang tahun 'Hari Kebangsaan' pada 31 Ogos, sudah pasti Tan Sri A Samad akan menitiskan air mata.

Beliau tidak dapat menahan keharuan setiap kali menjelang 'Hari Kebangsaan' apabila mengenang kembali ramai kawan-kawan seperjuangan sudah lama meninggalkan dirinya buat selama-lamanya. Sama ada kawan-kawan di Negeri Sembilan, mahu pun kawan-kawan di negeri lain tetap terbayang di ruang mata Tan Sri A Samad hingga tidak sedar setiap kali beliau mengingat kembali bait lagu 'Semalam Di Malaya' itu air matanya menitis membasahi pelupuk.

Menurut Tan Sri A Samad, pencipta lagu 'Semalam Di Malaya' iaitu Saiful Bahari pernah menjadi kawan akrabnya sekitar dekad 1960-an, ketika beliau memegang jawatan Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan. Bagaimana pun Saiful Bahari mencipta lagu 'Semalam Di Malaya' itu bukanlah ditujukan khas kepada Tan Sri A Samad, disebabkan lagu berkenaan diciptanya dalam tahun 1957. Tetapi lagu itu mempunyai kaitan dengan tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Menjelang kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, 31 Ogos 1957, Saiful Bahari memberitahu Tan Sri A Samad, beliau datang ke Kuala Lumpur terus menginap di sebuah hotel. Saiful Bahari berasa terharu disebabkan tidak seorang pun teman-teman seperjuangan ketika menentang Belanda di Indonesia dapat ditemui, kerana sukar

menghubungi alamat mereka. Ketika pemberontakan rakyat Indonesia melawan Belanda selepas proklamasi kemerdekaan 17 Ogos 1945, memang ramai rakyat Persekutuan Tanah Melayu ikut sama berjuang membantu bangsa serumpun.

Hal yang sama berlaku juga sebelum kedatangan Jepun 15 Februari 1942, apabila ramai pejuang-pejuang Indonesia datang ke Tanah Melayu meniupkan semangat perjuangan kebangsaan menentang penjajah. Bagaimana pun mereka kembali semula ke Indonesia bersama rakan-rakan dari Tanah Melayu dalam usaha mengusir Belanda selepas proklamir merdeka dibuat oleh Sukarno-Hatta. Antara ribuan pejuang inilah, Saiful Bahari ikut sama mengangkat senjata di samping rakan-rakan dari Tanah Melayu termasuk Abdul Ghani Abu Samah dari Pahang dan Dahari Ali dari Selangor.

Abdul Ghani (abang kepada Tan Sri Hamzah Abu Samah, bekas menteri kabinet) telah terkorban ketika mengangkat senjata di Indonesia, sementara Dahari Ali seorang wartawan (kemudiannya menjadi ahli Parlimen kawasan Kuala Selangor 1959 - 1964) kembali ke Tanah Melayu selepas rakyat Indonesia berjaya mengusir Belanda. Sewaktu Saiful Bahari datang ke Tanah Melayu menjelang tarikh kemerdekaan itu, memang beliau berhasrat mahu menemui Dahari Ali tetapi tidak dapat menghubungi alamat sebenarnya.

Semasa berseorangan di bilik hotel, sambil mengimbau kembali kenangan getir bersama Dahari Ali dalam perjuangan kemerdekaan di Indonesia, ilham mencipta lagu itu mula terlintas dalam ingatannya. Beberapa minit sahaja Saiful Bahari dapat menyusun melodinya dengan lengkap, sekali pun tidak menggunakan sebarang alat musik. Beliau sekadar melagukan melalui siulan, sebelum dipindahkan kepada nota. Dalam masa yang singkat, beliau berjaya menghasilkan 'Semalam Di Malaya'.

"Oh di mana kawan dulu, kawan dulu yang sama berjuang, oh Malaya!" antara lirik lagu yang menusuk perasaan itu memang ditujukan kepada Dahari Ali. Tetapi selepas mengenali Saiful Bahari beberapa tahun selepas itu, Tan Sri A Samad begitu sensitif apabila lirik lagu itu diungkapkan di hadapannya. Beliau akan mengalirkan air mata setiap kali lagu berkenaan diputarkan, apatah lagi dalam saat sudah ramai pejuang-pejuang kemerdekaan di peringkat awal, meninggal dunia sekarang ini.

Saiful Bahari pernah berkhidmat dalam orkestra RTM satu ketika dulu, malah menjadi konduktor musik semasa rombongan budaya Minangkabau membuat persembahan di Negeri Sembilan dan di Kuala Lumpur. Sedikit sebanyak Tan Sri A Samad dapat menyelami perasaan pemuzik Saiful Bahari, sekali pun selepas merdeka kawannya itu lebih tertumpu kepada bidang muzik. Baginya antara pejuang nasionalis di Indonesia dan di Tanah Melayu tidak ada garis pemisah, kerana masing-masing saling sumbang menyumbang di antara satu sama lain.

Tan Malaka (gelaran pembesar adat di Minangkabau - p) misalnya, pernah ikut berjuang di Tanah Melayu sebelum kedatangan Jepun. Tan Malaka atau nama sebenarnya Sutan Hadji Ibrahim, di antara beberapa pejuang Indonesia termasuk Nata Dzainuddin, Alimin, Sutan Djenain (Lang Lang Buana) dan Muchtaruddin Lasso yang berjuang secara terang-terangan menentang Inggeris. Kedatangan mereka ke Tanah Melayu sekitar 1922 menyemarakkan perjuangan nasionalis di pengajian pondok Jenderam di Kajang, kemudian beralih ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Di MPSI pula lahir kesinambungan pemimpin nasionalis seperti Harun Mohd Amin (Harun Aminul-Rasyid), Hadi Hassan dan Ibrahim Haji Yaakob. Mereka pula disertai oleh golongan wartawan termasuk Ishak Haji Muhammad, A Samad Ahmad, Abdullah Sani Raja Kechik (Ahmad Boestamam) dan ramai lagi. Kebanyakan pejuang Indonesia yang pernah datang ke Tanah Melayu dianggap sebagai 'pejuang kiri' termasuk juga Tan Malaka seorang guru agama dan pemuka adat di Minangkabau.

Tan Malaka ditangkap oleh rakan-rakannya sendiri dari golongan 'Pancasila' dalam gerakan pembersihan tahun 1949. Beliau dibunuh atas tuduhan sebagai 'puak kiri' yang tidak sehaluan dengan 'Pancasila'. Bagaimana pun agak terlambat Tan Malaka diisytiharkan sebagai salah seorang pahlawan nasional Indonesia, setelah beliau menjadi korban rakan-rakan sendiri bertahun-tahun lalu. Mujurlah Siaful Bahari terselamat daripada menjadi korban gerakan pembersihan 'Pancasila' di Minangkabau ketika itu.

Beliau membawa diri ke Persekutuan Tanah Melayu, kemudiannya dikenali Malaya menjelang kemerdekaan 31 Ogos 1957 itu sebagai anak yang pulang dari perantauan. Dari sinilah ilhamnya memuncak hingga lahirnya lagu 'Semalan Di Malaya'. Banyak

kenangan pahit dalam perjuangannya diluahkan kepada Tan Sri A Samad, sewaktu mereka berkawan baik sekitar dekad 1960-an. Justeru lirik lagu ‘Semalam Di Malaya’ itu benar-benar dapat dirasakan oleh Tan Sri A Samad sebagai kocakan yang menusuk kepada setiap pejuang nasionalis.

Beliau tidak dapat menahan keharuan setiap kali menjelang 31 Ogos, atau teringatkan lagu ‘Semalam Di Malaya’ ciptaan Saiful Bahari. Ketika ini beliau terbayangkan rakan-rakan yang sudah lama meninggal dunia seperti catatannya semasa menulis rencana di akhbar pada tahun 1999:

“...Tahun ini tanggal 31 Ogos genaplah negara kita mencapai kemerdekaan yang ke 42; ertinya 42 tahunlah negara kita terlepas daripada cengkaman penjajah sejak beberapa tahun lamanya bertuankan bangsa lain. Hidup di bawah penjajahan samalah macam ‘melukut di tepi gantang, masuk tak mencukupkan, keluar tak meluakkan’...”

Melukut Di Tepi Gantang

Memang Tan Sri A Samad tidak dapat melupakan bagaimana sikap pegawai-pegawai Inggeris menganggap bangsa Melayu sebagai melukut di tepi gantang. Kadangkala menurut Tan Sri A Samad, orang-orang kampung akan tunduk memanggil ‘Tuan’ kepada Inggeris sekali pun sekadar seorang kerani biasa di estet. Orang Melayu terlalu takut untuk berjumpa pegawai-pegawai Inggeris terutama Pegawai Daerah (DO), Ketua Polis Daerah (OCPD) atau Pemungut Cukai, yang semuanya dipegang oleh pegawai kulit putih.

Sikap orang Melayu yang terlalu takut kepada Inggeris inilah menyebabkan pegawai-pegawai berkenaan mengambil kesempatan memper’hamba’kan orang Melayu. Manakala orang Melayu yang dapat berkhidmat dengan pegawai-pegawai Inggeris sekali pun sekadar menjadi peon, penarik pangkah (tarik kipas) dan pemandu kereta juga dihormati sama seperti pegawai-pegawai kulit putih berkenaan. Gelagat ‘bertuankan’ Inggeris inilah yang menjadi ‘api dalam sekam’ di jiwa Tan Sri A Samad apabila menyertai perjuangan politik.

Sebaik sahaja dipilih menjadi Exco kerajaan negeri tahun 1956, Tan Sri A Samad hilang sabar apabila sebuah dewan (atau sekarang balai raya) di Gunung Pasir dilarang digunakan oleh orang

Beliau memberitahu sikap ‘biadap’ DO Kuala Pilah itu kepada Encik Shariff, di samping meminta budi bicaranya supaya ditukarkan dari pejabat daerah Kuala Pilah.

Tidak lama selepas itu, ‘Tuan Hangus’ ditukarkan dari pejabat daerah Kuala Pilah. Berakhirlah satu episod penguasaan pegawai-pegawai kulit putih ditempatkan sebagai DO di pekan-pekan di raja. Pertukaran ‘Tuan Hangus’ digantikan oleh pegawai Melayu, Encik Ismail Panjang Aris, pegawai daerah Kuala Pilah pertama dari kalangan orang Melayu. Kata Tan Sri A Samad, beliau tidaklah membenci Inggeris, tetapi sikap pegawai-pegawai kulit putih yang memandang rendah bangsa Melayu menyebabkan beliau rasa tercabar.

Perkara yang berlaku ke atas Tan Sri A Samad bolehlah dianggap kecil, kerana Tunku Abdul Rahman Putra selaku Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, malah seorang putera raja juga tidak dihormati oleh Inggeris. Dalam wawancara yang dibuat dengan Tunku pada 18 Mac 1982 bagi menyiapkan teks buku ‘25 Tahun Merdeka’ menunjukkan dengan jelas sikap Inggeris yang memandang rendah terhadap bangsa Melayu. Tunku menjelaskan dalam wawancaranya:

“...Apa yang sangat saya kesalkan setelah kita memenangi pilihanraya ialah sikap British mengabaikan masalah kita. Apabila saya menjadi Ketua Menteri saya telah mengemukakan senarai penuh nama-nama ahli kabinet saya kepada mereka. Tetapi tidak ada kemudahan-kemudahan disediakan kepada saya sebagai seorang Ketua Menteri.

“Tidak ada rumah disediakan untuk saya. Tidak ada kereta rasmi disediakan. Sebagai Ketua Menteri saya dapat rumah yang tiris bila masa hujan. Kalau hujan tengah malam saya terpaksa sorong katil saya mencari tempat yang tidak ditimpa hujan.

“Di situlah saya bertekad sungguh mahukan kemerdekaan. Kalau sudah menjadi Ketua Menteri pun mereka masih memandang rendah dengan tidak menyediakan apa-apa kemudahan, bagaimana dengan nasib rakyat jelata yang lain dalam sebuah negara yang belum merdeka? Saya tidak dapat menahan kemarahan saya atas sikap British itu hingga saya menyumpah seranah mereka habis-habisan di dalam tiris hujan tersebut...”



Bersama Keluarga, gambar diambil untuk kenang-kenangan tahun 1957, setelah dipilih menjadi wakil rakyat.



Muktamar Persaudaraan Nasrul Haq tahun 1979, di Tapian Gelanggang, Paroi, Seremban. Tan Sri A. Samad selaku Presiden Nasrul Haq dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima borang keahlian.

ramai. Penghulu mukim di situ telah mengunci pintu pagar bangunan dewan, kerana sesiapa sahaja mahu menggunakan dewan berkenaan perlu terlebih dahulu meminta kebenaran dari DO. Perkara tersebut disampaikan kepada Tan Sri A Samad sebagai wakil rakyat di kawasan tersebut.

Setelah menemui penghulu mukim terbabit, Tan Sri A Samad merasa tersinggung kerana kaki tangan kerajaan bangsa Melayu takut sangat dengan Inggeris. Beliau telah melanggar dengan keretanya pintu pagar dewan yang berkunci itu hingga terkopak. Perbuatan Tan Sri A Samad itu dilaporkan oleh penghulu mukim kepada DO Mr Inges atau bagi orang-orang kampung memanggilnya 'Tuan Hangus'. Kemudiannya Tan Sri A Samad terus ke pejabat daerah Kuala Pilah, tetapi tidak dibenarkan bertemu 'Tuan Hangus' oleh kaki tangan pejabat disebabkan tidak membuat temu janji.

Dengan perasaan marah Tan Sri A Samad masuk ke bilik 'Tuan Hangus', sebaliknya diusir kerana tidak membuat temu janji. "Saya wakil rakyat yang dipilih, bukan dilantik oleh kerajaan, tak ada sebab saya mesti ikut peraturan awak!" beritahu Tan Sri A Samad menjadikan 'Tuan Hangus' bertambah marah. "Tetapi awak mesti buat temu janji terlebih dahulu!" bentak 'Tuan Hangus' berdiri, lantas meletakkan sebelah kakinya di atas kerusi. Tidak bertanggung Tan Sri A Samad juga meletakkan sebelah kakinya di atas kerusi, kerana sebelum itu 'Tuan Hangus' tidak pun mempelawanya duduk.

'Tuan Hangus' terkebil-kebil mata melihat gelagat Tan Sri A Samad, disebabkan sebelumnya beliau tidak pernah melihat orang Melayu bersikap keras terhadap Inggeris. Malah kerabat-kerabat di raja yang menemui 'Tuan Hangus' juga terpaksa membongkok sambil memanggilnya 'Tuan'. Sikap orang Inggeris memandang rendah bangsa Melayu ini, berlaku juga di kalangan pasukan 'Askar Melayu', apabila pegawai Melayu berpangkat leftenan muda terpaksa terbongkok-bongkok di hadapan orang Inggeris berpangkat sarjan.

Diskriminasi juga berlaku di dalam pasukan tentera, apabila gaji sarjan bangsa Inggeris berganda lebih tinggi daripada pegawai Melayu berpangkat leftenan muda. Jutseru 'Tuan Hangus' mendapat pelajaran yang paling berguna, apabila tiba-tiba sahaja beliau dijerkah oleh Tan Sri A Samad di hadapan kaki tangan pejabat daerah ketika itu. Kebetulan pula Tan Sri A Samad kenal baik dengan Setiausaha Kerajaan Negeri, Encik Shariff yang berasal dari Kajang, Selangor.

Menunggu Kunjungan Tunku

Kepimpinan Tunku selaku Ketua Menteri ketika itu mendapat sokongan padu rakyat dalam usaha menuntut kemerdekaan, kerana setelah berkerajaan sendiri pun bangsa Melayu masih dipandang rendah oleh penjajah Inggeris. Dalam usaha memberi penerangan kepada rakyat mengenai agenda perjuangan menuntut kemerdekaan, Tunku terpaksa menjelajah ke seluruh negara. Umno Kuala Pilah juga mengatur rapat umum di padang besar Kuala Pilah dengan menjemput Tunku hadir memberikan amanatnya.

Selaku pemimpin pemuda, Tan Sri A Samad ditugaskan menyambut Tunku, kemudian diiringi dengan pasukan bermotosikal kira-kira 50 orang ahli Pemuda Umno Kuala Pilah. Mengikut jadualnya, mereka akan mengarak Tunku ke Rumah Rehat daerah Kuala Pilah sebagai tempat penginapan, di samping mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin tempatan. Pada sebelah malam barulah rapat umum diadakan di padang besar Kuala Pilah bagi mendengar amanat Tunku, selaku Yang Dipertua Agung (Presiden) Umno yang juga Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu.

Tan Sri A Samad menunggu ketibaan Tunku di persimpangan Tanjung Ipoh ke Seri Menanti bersama 50 orang pemuda bermotosikal kira-kira jam 3.00 petang. Dalam rangka yang siap diatur, Tan Sri A Samad sendiri akan mengetuai perarakan itu bagi memeriahkan sambutan Umno Kuala Pilah dengan kunjungan Tunku ke daerah berkenaan. Sekali pun ketika itu darurat masih berkuat kuasa, tetapi daerah Kuala Pilah tidaklah termasuk dalam senarai kawasan hitam.

Rapat umum juga dibenarkan ketika itu, walau pun di beberapa tempat tertentu memang dikenakan *curfew* (perintah berkurung), terutama di kawasan Bahau dan Air Itam di sebelah timur Negeri Sembilan. Bagaimana pun rombongan Pemuda Umno Kuala Pilah di bawah pimpinan Tan Sri A Samad menunggu ketibaan Tunku di persimpangan Tanjung Ipoh-Seri Menanti itu bukanlah bertujuan melindungi keselamatan Tunku, sebaliknya sebagai bukti kesetiaan ahli-ahli parti terhadap pemimpin mereka.

Sebagai Ketua Menteri, sudah tentu Tunku diberi kawalan keselamatan apabila beliau membuat kunjungan ke mana-mana. Tan Sri A Samad bercadang akan mengiringkan konvoi Tunku sebaik sahaja tiba di persimpangan tersebut ke Kuala Pilah, bukan bertujuan untuk mengambil alih kawalan keselamatan dari pihak polis. Setelah

hampir dua jam Pemuda Umno yang siap sedia dengan 50 orang penunggang motosikal menunggu di persimpangan tersebut, mereka berasa hampa kerana konvoi Ketua Menteri tidak kunjung tiba.

“Encik Samad macam mana ni, Tunku jadi datang atau tidak!” Pemuda Umno yang sudah bosan menunggu mula menyalahkan Tan Sri A Samad. Terbayang dalam kepala Tan Sri A Samad kebimbangan dengan keselamatan Tunku, kerana jalan ke Kuala Pilah memang melalui kawasan Bukit Putus yang dikelilingi hutan serta keadaan jalannya berbelok-belok dengan selekoh tajam. Sekali pun tidak pernah berlaku serang hendap komunis di kawasan tersebut sebelumnya, tetapi beliau bimbang juga dengan keselamatan Tunku.

“Kita jangan cemas, kalau ikut jadual memang Tunku sepatutnya sudah sampai,” ujar Tan Sri A Samad meminta rakan-rakannya bersabar. Bagaimana pun beliau sendiri berasa hairan kenapa konvoi Tunku masih tidak tiba seperti yang dijadualkan. Bukanlah sukar mahu memastikan kereta Tunku melintas di situ, kerana pemimpin negara sudah tentu diiringi konvoi termasuk kereta polis. Justeru Pemuda Umno akan mengiringi konvoi itu dari belakang, kemudian terus ke Rumah Rehat. Di situ pemimpin-pemimpin tempatan sudah menunggu Tunku untuk aturcara seterusnya.

“Kalau Tunku tak tiba, sia-sia aje dua jam kita menunggu di sini!” gerutu kawan-kawannya tidak menghiraukan Tan Sri A Samad sendiri dalam keadaan gelisah. Bukan sahaja beliau bimbang Tunku tidak muncul, malah penduduk-penduduk Kuala Pilah yang sudah bersiap sedia untuk keluar beramai-ramai mendengar amanat Tunku, mungkin akan menuduh pemimpin-pemimpin tempatan berbohong. Tentu mereka hampa sekiranya Tunku tidak muncul dalam rapat umum tersebut. Dalam masa kebingungan konvoi Tunku tidak juga melintas, seorang wakil dari Umno Kuala Pilah datang ke situ memberitahu Tan Sri A Samad, sebenarnya Tunku sudah sampai di Rumah Rehat, Kuala Pilah.

Ketika beliau sampai menyusul Tunku ke Rumah Rehat, rupanya Ketua Menteri itu tidak datang diiringi oleh konvoi polis atau kawalan keselamatan. Beliau cam kereta yang dinaiki Tunku memang melintasi di persimpangan jalan tempat mereka beramai-ramai menunggu. Tan Sri A Samad bersama rakan-rakannya tidak menyangka kereta besar yang dipandu seorang lelaki memakai singlet dengan tidak diiringi oleh konvoi keselamatan adalah Tunku, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu.

Justeru Tan Sri A Samad dapat membuat penilaian betapa gigihnya Tunku dalam perjuangan menuntut kemerdekaan, hingga sanggup melalui jalan dikelilingi hutan semasa darurat hanya berseorangan diri sahaja. Tunku bukan sahaja tidak memerlukan konvoi pengiring bagi mengawal keselamatan dirinya sebagai Ketua Menteri, malah beliau tidak menggunakan pemandu keretanya. Menurut Tan Sri A Samad, beliau menyedari kereta yang dipandu oleh Tunku melintas di hadapannya, tetapi tidak cam pemimpin itu memandu sendiri keretanya disebabkan Tunku sekadar memakai singlet berlengan.

Memang Tan Sri A Samad sukar melupakan kisah menunggu ketibaan Tunku membuat lawatan ke daerah Kuala Pilah itu. Di samping itu antara lain kisah menarik beliau bersama Tunku apabila membuat lawatan ke Kuala Pilah, ketika perjumpaan bersama orang ramai. Tan Sri A Samad menyediakan minuman dengan menghulurkan buah kelapa muda kepada barisan pemimpin yang berada di atas pentas. Buah kelapa muda yang dihulurkan untuk Tunku sudah dibuang airnya dengan diganti minuman kegemaran pemimpin itu, disebabkan orang ramai semuanya diberikan kelapa muda juga.

“Baguslah air kelapa muda hang ni, Encik Samad,” Tunku tersenyum mengerling Tan Sri A Samad yang menyediakan minuman kepada pemimpin-pemimpin di atas pentas. Langkah tersebut dibuat oleh Tan Sri A Samad, supaya orang ramai di bawah pentas tidak berasa diri mereka dibezakan dengan minuman yang diberikan. Begitu juga pemimpin lain di atas pentas, disebabkan mereka juga diberikan buah kelapa muda. Tunku memang tidak berapa gemar dengan air kelapa muda, tetapi Tan Sri A Samad berjaya mengawal keadaan hingga rakan-rakan lain tidak menyedari air yang diberikan kepada Tunku bukanlah air kelapa muda seperti mereka.

Kisah Dengan Dr Ismail

Disebabkan setiap tahun mewakili Negeri Sembilan menghadiri Persidangan Mesyuarat Agung Umno (atau sekarang Perhimpunan Agung Umno) di Kuala Lumpur, Tan Sri Samad ramai mempunyai kenalan di peringkat kepimpinan nasional. Bagaimana pun sebagai tokoh peringkat negeri, bukanlah semua pemimpin tertinggi dikenalnya secara dekat. Di antara pemimpin peringkat nasional yang pernah berkunjung ke Kuala Pilah hanya Tunku Abdul Rahman sahaja.

Satu ketika Tan Sri A Samad terkejut apabila melintasi jalan besar di tengah bandar Seremban, tiba-tiba dihipit oleh sebuah

kereta besar. Kebetulan Tan Sri A Samad baru sahaja keluar dari sebuah restoran menghadiri mesyuarat Pemuda Umno. Sudah menjadi kebiasaan ketika itu mengadakan mesyuarat hanya di restoran sahaja, disebabkan Umno belum lagi mempunyai bangunan sendiri. Di samping itu mereka boleh memesan minuman sambil bermesyuarat bersama ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Selain daripada restoran Tong Fong di Jalan Besar (Jalan Templer), mesyuarat Umno sering diadakan di Kelab Melayu, di Jalan Tuanku Munawir. Sekitar dekad 1950-an kata Tan Sri A Samad, mereka menetapkan tempat mesyuarat hanya selepas bertemu pada hari yang dijadualkan sahaja. Setelah menetapkan tarikh dan waktu mesyuarat, mereka bertemu terlebih dahulu di satu tempat sebelum membuat keputusan di mana mesyuarat tersebut perlu diadakan. Menjadi kebiasaan pula mereka memilih 'Restoran Tong Fong' itu sebagai tempat bermesyuarat.

Mesyuarat jawatankuasa Pemuda Umno Negeri Sembilan memang sering diadakan di restoran berkenaan, kerana dianggap selesa oleh Tan Sri A Samad. Bukan sahaja restoran itu mempunyai hawa dingin, malah terkawal daripada bunyi bising kalau dibandingkan dengan restoran terbuka di tempat lain. Sekali pun makanan yang disediakan ala masakan Cina, tetapi terjamin daripada segi kebersihan di samping halal bagi masyarakat Islam. "Masa itu tidak ada restoran yang berhawa dingin di Seremban, kecuali di Tong Fong sahaja yang lebih selesa bagi mengadakan mesyuarat," beritahu Tan Sri A Samad.

Sekali pun tidak mempunyai bangunan sendiri bagi mengadakan mesyuarat kepimpinan parti, tetapi tidak mematahkan semangat mereka dalam perjuangan Umno. Selain daripada di restoran Tong Fong atau Kelab Melayu, mereka juga sering mengadakan mesyuarat di Hotel Century (tetapi sekarang sudah dirobohkan, terletak berhampiran dengan terminal bas sekarang - p). Suasana di peringkat awal ini menunjukkan Umno dalam serba kekurangan ketika itu, hinggalah tempat mengadakan mesyuarat penting pun terpaksa 'menumpang' di mana-mana yang sesuai.

Selesai sahaja mesyuarat jawatankuasa Pemuda Umno Negeri di restoran berkenaan, Tan Sri A Samad terus keluar melintasi jalan. Beliau terkejut apabila dihipit sebuah kereta besar hingga terpaksa melompat ke bahu jalan. Sebaik sahaja menoleh ke arah kereta yang berhenti di tepi jalan, beliau melihat Dr Ismail memandu keretanya sendiri dengan memakai singlet sahaja. Tergamam juga Tan Sri A

Samad memerhati Dr Ismail memanggil sebaik sahaja memberhentikan kereta di tepi jalan.

“Encik Samad, apa khabar?” segera Dr Ismail menjengah kepala sambil menghulur tangan. Tan Sri A Samad menyambut tangan Dr Ismail dalam keadaan masih lagi tergamam kerana Menteri Perniagaan dan Perusahaan itu sengaja memberhentikan keretanya sebaik sahaja ternampak Tan Sri A Samad melintas jalan. Sikap *humble* Dr Ismail ketika ditemuinya di situ agak berbeza dengan wajah pemimpin itu yang kelihatan serius setiap kali mereka bertemu dalam Persidangan Mesyuarat Agung.

“Khabar baik, doktor,” sahut Tan Sri A Samad serba salah. “Saya baru selesai mesyuarat Pemuda Negeri,” beritahunya berasa bangga terserempak Dr Ismail di situ. “Tak ada apa-apa yang hendak saya katakan, hanya berhenti kereta sebaik sahaja ternampak Encik Samad melintas jalan,” jelas Dr Ismail seorang menteri kabinet selepas pilihanraya 1955. Sebagai seorang menteri kabinet, Dr Ismail juga tidak menggunakan khidmat *driver*, sebaliknya memandu sendiri dalam perjalanan dari Johor ke Kuala Lumpur.

Di samping memegang jawatan Menteri Perniagaan dan Perusahaan, Dr Ismail (Tun, bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham - p) juga merupakan Naib Yang Dipertua Agung Umno ketika itu. Memang Tan Sri A Samad tidak menyangka Dr Ismail yang kelihatan serius, malah jarang berbual-bual dengannya semasa bertemu dalam Persidangan Mesyuarat Agung tetapi berwatak *humble* apabila bertemu dalam suasana demikian. Dr Ismail semata-mata memberhentikan keretanya sebaik sahaja ternampak Tan Sri A Samad melintas jalan, malah beliau tidak berhenti setelah dipelawa singgah ke restoran tersebut.

“Tak apalah, saya hanya berhenti nak jumpa Encik Samad sahaja,” ujar Dr Ismail terus memandu keretanya semula menuju ke Kuala Lumpur. Sikap berhemah Dr Ismail memang jauh berbeza dengan wajah serius pemimpin itu ketika menghadiri sebarang mesyuarat parti atau dalam acara-acara rasmi kerajaan. Beliau hanya memberhentikan kereta semata-mata mahu bertanya khabar kepada Tan Sri A Samad yang dilihatnya semasa melintasi jalan ketika beliau melalui kawasan berkenaan.

Bahaman Shamsudin Ke Teluk Anson

Umno Negeri Sembilan menurut Tan Sri A Samad menghadapi tekanan awal dekad 1940-an, apabila Pengerusi Perhubungannya yang pertama Bahaman Shamsuddin ditukar ke Teluk Anson (sekarang Teluk Intan) di Perak. Bahaman yang menjadi DO Seremban ketika itu memang berpotensi menggerakkan Umno di Negeri Sembilan, malah beliau juga adalah tokoh yang mencadangkan nama Tunku sebagai calon Yang Dipertua Agung Umno pada persidangan tahun 1951 bagi menggantikan Dato' Onn Jaafar yang mengundurkan diri.

Dalam pilihanraya 1955, Bahaman bertanding di kawasan Parlimen Teluk Anson melawan calon Pas, Haji Hassan Adli. Bahaman (Tan Sri, bekas Menteri Kehakiman, Allahyarham - p) menang dengan mendapat 10,514 undi mengalahkan Haji Hassan Adli (Datuk, bekas Duta Besar ke Mesir, Allahyarham) yang hanya meraih undi sebanyak 3,812 sahaja. Selepas pilihanraya 1955, Bahaman dilantik memegang jawatan Menteri Muda (Kanan) Menteri Dalam Negeri. Langkah penjajah Inggeris menukarkan Bahaman ke Teluk Anson sebelum itu ternyata tidak melemahkan perjuangan Umno di Negeri Sembilan.

Bahaman bukan sahaja menjadi Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Sembilan pada tahun 1948, malah beliau memainkan peranan utama dalam usaha memujuk Tunku menjadi Yang Dipertua Agung Umno. Ketika itu Dato' Onn Jaafar membuat keputusan tidak mahu lagi dicalonkan menjadi Yang Dipertua Agung, setelah cadangannya untuk membukakan kehalian Umno kepada semua kaum ditentang oleh orang-orang Melayu. Persidangan Majlis Mesyuarat Agung Umno di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 25 dan 26 Ogos, Bahaman mengemukakan cadangan melantik Tunku sebagai Yang Dipertuan Agung dengan berkata:

"...Saya tidak tahu banyak mengenai Tunku, tetapi Tunku ialah kawan saya yang baik. Saya percaya Tunku boleh..." Beliau terus duduk dengan tidak menyebut latar belakang kepimpinan Tunku seperti dilakukan oleh wakil-wakil lain yang memperkenalkan calon mereka.

Dalam persaingan itu, wakil Kuala Lumpur, Raja Ayub bin Raja Bot telah berucap panjang lebar menonjolkan ketokohan calonnya Haji Ahmad Fuad Hassan, begitu juga wakil Perak, Tajuddin bin Uda Isa yang mencalonkan Dato' C M Yusof. Mereka adalah ahli pidato, berbeza dengan Bahaman bukanlah pemedato yang berkebolehan.

Sebaliknya Bahaman seorang tokoh yang berani dalam menghadapi cabaran pihak penjajah, sekali pun kedudukannya sebagai pegawai tadbir mempunyai risiko. Sebagai DO Seremban, beliau menggunakan kediaman rasminya menjadi tempat bermesyuarat hingga mendapat bantahan penentang-penentang Umno.

Akibat sikap berani yang ditunjukkan oleh Bahaman inilah, beliau ditukarkan ke Teluk Anson bagi melemahkan perjuangan Umno di Negeri Sembilan. Umno di Negeri Sembilan dipimpin pula oleh seorang pembesar adat di Sungai Ujong iaitu Dato' Syahbandar Abu Bakar bin Othman.

Bagaimana pun dalam pilihanraya 1959, Tan Sri A Samad selaku Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, membuat desakan supaya Bahaman Shamsuddin bertanding bagi kerusi Parlimen Kuala Pilah. Bahaman anak kelahiran Kuala Pilah, sudah sewajarnya diberi peluang bertanding di kawasan parlimen berkenaan.

Beliau ditentang oleh calon Pas, Ismail bin Chik dalam pilihanraya tersebut, tetapi berjaya memenangi kerusi berkenaan dengan mendapat 11,312 undi, sementara calon Pas pula 5,748 undi. Dalam pembentukan kabinet selepas itu, Bahaman kekal menyertai kabinet Tunku dengan memegang jawatan Menteri Buroh.

Dalam satu kunjungan Tan Sri A Samad ke Kuala Lumpur, beliau terserempak kereta rasmi Bahaman diletakkan di kawasan sesak berhampiran BB Park iaitu tempat hiburan terkenal di Bukit Bintang ketika itu. (Kawasan berkenaan sekarang sudah didirikan bangunan Sungai Wang Plaza - p). Sebaik sahaja ternampak kereta rasmi menteri kabinet diletakkan di situ, Tan Sri A Samad memang cam ianya kepunyaan Bahaman. Beliau segera mencari Bahaman di ruang tempat hiburan, hingga tersua dengan menteri itu sedang minum bersama beberapa orang rakannya.

Sebagai Ketua Pemuda Negeri, di samping ADUN di dalam kawasan parlimen yang diwakili oleh Bahaman, beliau menegur sikap menteri itu yang meletakkan kereta rasmi di kawasan sesak. Tan Sri A Samad juga tidak bersetuju seorang menteri berada di kawasan tempat hiburan BB Park secara terbuka, hingga boleh digunakan oleh pihak lawan untuk menjatuhkan imej Umno. "Kalau nak masuk ke tempat hiburan macam ini pun, buat apa bawa kereta rasmi, pakailah kereta peribadi aje," Tan Sri A Samad mengingatkan menteri kabinet itu.

Tetapi Bahaman seperti kebiasaannya akan ketawa kuat dengan teguran yang berkaitan dengan sikapnya itu. "His, biarlah! Masa jadi

menteri inilah kita nak tunjuk kuasa sikit, bila dah tak jadi menteri nanti, tak ada siapa nak pandang kita,” jelas Bahaman spontan, seolah-olah tidak ambil peduli dengan sebarang kritikan yang membabitkan peribadi seseorang ahli politik.

Justeru Tan Sri A Samad dapat membuat kesimpulan, Bahaman bukanlah seorang ahli politik yang serius, sebaliknya seorang pentadbir yang bijak. Sebagai bekas pegawai tadbir, memang pengalaman Bahaman cukup luas dalam pentadbiran negara, tetapi beliau tidak mengambil berat mengenai risiko politik.

Dalam pergolakan politik di Negeri Sembilan selepas pilihanraya 1959, Bahaman tidaklah memainkan peranan penting disebabkan beliau lebih menumpukan perhatian di peringkat nasional. Pergolakan di Negeri Sembilan memang membabitkan Tan Sri A Samad sendiri, apabila beliau secara terbuka menyokong usaha melantik Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Sembilan ketika itu, Mohd Idris bin Matsil menjadi Menteri Besar. Sebagai Ketua Pemuda Negeri, sokongan Tan Sri A Samad mencerminkan pendirian Pemuda Umno Negeri dalam isu perlantikan Menteri Besar.

Pucuk pimpinan Umno Pusat sudah bersetuju menerima (Tan Sri) Dr Mohd Said bin Mohamed yang menang di kerusi DUN Linggi menjadi Menteri Besar. Tetapi kalangan Umno di Negeri Sembilan mahukan Pengerusi Perhubungan mereka menjadi Menteri Besar, sebaliknya ditentang oleh beberapa orang tokoh lain di Seremban yang berselindung di sebalik pengaruh Haji Redza bin Haji Mohd Said, ahli Parlimen Rembau-Tampin. Dalam isu jawatan Menteri Besar ini, Tan Sri A Samad membawa Pemuda Umno secara terbuka menyokong (Dato') Mohd Idris Matsil.

Isu Menteri Besar yang berlarutan itu dapat diredakan, setelah semua pihak bersetuju mematuhi keputusan Kerajaan Pusat mahukan Dr Mohd Said memegang jawatan Menteri Besar. Tun Abdul Razak yang turun ke Seremban mewakili Tunku dalam isu perlantikan Menteri Besar itu, memberi jaminan tempoh bagi jawatan Dr Mohd Said hanya satu penggal sahaja. Di samping itu Tun Razak juga bersetuju menyokong Tan Sri A Samad menjadi Menteri Besar apabila tiba waktunya. Dalam usaha mengawal pergolakan di Negeri Sembilan, Umno Pusat juga tidak melantik Dr Mohd Said selaku Menteri Besar menjadi Pengerusi Perhubungan. Sebaliknya jawatan tersebut diserahkan kepada Majlis Tertinggi yang diwakili oleh (Dato') Abdul Rahman Talib.